

Nik Aziz persenda Malaysia negara Islam

SH 18 AUG 2002

ALOR STAR: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri, sama seperti mengiklankan kereta sorong sebagai kereta Mercedes Benz.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya mengiklankan Malaysia sebagai negara Islam tetapi hakikamya, Malaysia bukan negara Islam:

Sehubungan itu, kata beliau, ahli dan penyokong Pas yang memilih untuk berjuang bersama parti pembangkang itu berada pada landasan yang betul untuk menempuh hidup di akhirat kelak.

"Perdana Menteri kata Malaysia negara Islam. Perdana Menteri kita iklan. Kerana apa? Kerana awak iklan kereta sorong ni jadi Mercedes. Jadi Mercedes sungguhkah?"

"Batang kayu ni saya iklan jadi emas. Jadi emas sungguhkah?" katanya berceramah di Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, dekat sini malam semalam.

Ceramah itu adalah sempena Konvokesyen Ke-2 Kolej Islam Darul Ulum milik Pas. Turut berceramah ialah Datuk Dr Haron Din dan Mohamad Sabu.

Nik Aziz juga menyifatkan tindakan RTM menyiarkan ceramah yang menonjolkan beliau sebagai berkata bahawa Allah bersifat samseng, sebagai tindakan RTM mengiklankan diri beliau.

"Dulu RTM tunjuk gambar saya kata barua...sekarang tunjuk pula gambar saya kata Tuhan samseng. Hari-hari dia tunjuk. Saya menjadi semakin popular. Dia mengiklankan saya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menulangi kenyataannya sebelum ini, apa yang dimaksudkannya Allah juga bersifat samseng hanyalah tindakan mengubah maksud perkataan 'Al Mutta-kabbir,' yang bermaksud 'Yang Sombong' kepada samseng.

Ia bertujuan menuniukkan kepada anggota masyarakat bahawa terjemahan sifat Allah tidak boleh lari daripada sifat yang ada pada manusia seperti berkata-kata, mendengar, melihat dan seumpamanya.